










Tiga vaksin

Bekalan pertama vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech telah selamat tiba di Singapura. Negara ini juga telah mencapai persetujuan bagi bekalan sekurang-kurangnya dua lagi vaksin. Berita Harian meninjau ciri-ciri tiga vaksin tersebut.

SYARIKAT	Pfizer-BioNTech (Amerika Syarikat/Jerman)	Moderna (Amerika Syarikat)	Sinovac (China)
			
JENIS VAKSIN	Sejenis vaksin RNA (asid ribonukleik) dengan sebahagian kecil kod genetik virus itu disuntik ke tubuh pesakit, menghasilkan respons perlindungan tanpa mendedahkan pesakit kepada virus sebenar.		Virus yang tidak aktif: Virus ini dirawat dalam keadaan suhu tinggi, kimia atau radiasi untuk menjadikannya tidak aktif. Ini menghalangnya daripada direplika, namun tetap dapat menghasilkan respons imuniti.
	<p>Kelebihan</p> <ul style="list-style-type: none"> Imuniti sel yang kukuh. Mudah untuk dihasilkan. <p>Kekurangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pfizer-BioNTech adalah vaksin RNA pertama yang digunakan di luar ujian klinikal. Suntikan tambahan mungkin diperlukan. Memerlukan simpanan pada suhu amat sejuk. 		<p>Kelebihan</p> <ul style="list-style-type: none"> Teknologi yang dikenali dan selamat. Boleh digunakan bagi mereka yang mempunyai sistem imun lemah. <p>Kekurangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Keupayaannya menghasilkan respons imuniti adalah lemah, justeru memerlukan beberapa suntikan.
BILA IA TIBA DI SINGAPURA	Menjelang lewat Disember	Sepanjang 2021	
REJIM VAKSIN	 Dua dos Jarak 21 hari	 Dua dos Jarak 28 hari	 Dua dos Jarak 14 hari
SUHU SIMPANAN	 Di bawah 79 darjah Celsius	Di bawah 20 darjah Celsius	Suhu peti sejuk biasa
KADAR KEBERKESANAN	 95%	 95%	-
NEGARA YANG MENGGUNAKANNYA	Britain, Bahrain, Canada, Arab Saudi, Mexico, Amerika Syarikat dan Singapura.	-	-
HARGA	Vaksin percuma bagi semua warga Singapura dan penduduk jangka panjang di negara ini.		



CARA VAKSIN DIUJI

Usaha menghasilkan vaksin merupakan proses bersistem yang menuntut ketelitian. Cara menghasilkan vaksin bermula dengan mendapatkan data hasil uji kaji (in vitro data) dan uji kaji dalam hidupan yang biasanya dilakukan ke atas haiwan (in vivo data). Setelah itu, firma penghasil vaksin akan beralih ke Fasa Pertama hingga Fasa Ketiga uji kaji klinikal ke atas manusia.

UJIAN FASA PERTAMA

- Analisis tindak balas keselamatan dan daya ketahanan tubuh dalam kalangan relawan, lazimnya berjumlah puluhan orang.

UJIAN FASA KEDUA

- Bandingkan dos berbeza dan proses selang-selinya untuk mencari kadar yang sesuai bagi pelaksanaan pada Fasa Ketiga.
- Fasa Kedua juga mengumpulkan lebih banyak data berkenaan ciri keselamatan dan tindak balas daya ketahanan tubuh daripada jumlah relawan lebih besar yang lazimnya melibatkan ratusan orang.

UJIAN KLINIKAL FASA KEDUA DAN KETIGA

- Fasa ini lazimnya melibatkan juga kumpulan plasebo (suntikan sebatian menyerupai ubat yang hendak dikaji) dan dilaksanakan secara rambang. Hal ini bermakna relawan akan diberikan salah satu jenis suntikan, iaitu suntikan betul atau plasebo.



Vaksin Covid-19 di Asia

NEGARA	JENIS VAKSIN	JUMLAH DOS DIDAPKANN	DOS DIPERLUKAN*	TEMPOH IMUNISASI DIJALANKAN
Singapura	Pemerintah usahakan vaksin rencam	Bekalan pertama baru tiba	8 juta	Belum Diketahui
Malaysia	Perjanjian lima tahun bagi vaksin China dan Pfizer	Sekurang-kurangnya 12.8 juta	46 juta	Suku pertama 2021
Indonesia	AstraZeneca, Sinopharm, Sinovac, perjanjian Covax	189 juta	247 juta**	Lewat Januari 2021
Thailand	AstraZeneca	26 juta	93 juta	Pertengahan 2021
Jepun	AstraZeneca, Pfizer, Novavax, Moderna, Shionogi	Lebih 540 juta	177 juta	Enam bulan pertama 2021
Korea Selatan	Perjanjian Covax bagi 10 juta orang	20 juta	60 juta	Suku kedua 2021
China	Perjanjian dengan AstraZeneca, Pfizer, Gamaleya; vaksin daripada firma negara Sinovac dan Sinopharm	Belum diketahui	1.96 bilion	Lewat 2020
India	AstraZeneca, Sputnik V	Belum diketahui	1.9 bilion	Feb atau Mac 2021
Australia	AstraZeneca, Pfizer, Novavax, CSL	135 juta	36 juta	Januari atau Februari 2021

Nota: **Indonesia merancang melindungi dua pertiga warga sasaran dan baki bekalan 15 peratus



Kotak mengandungi vaksin Pfizer tiba di UPS Worldport di Louisville, Kentucky, Amerika Syarikat, baru-baru ini.